

Banjir: 1,000 Orang Asli di Mersing masih terputus hubungan

BH ONLINE | Khamis, 19 Disember 2019 | 11:50am



Pemandangan terkini dari atas udara menampakkan kenderaan yang terkandas akibat banjir ketika tinjauan Bernama bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat, kelmarin. - Foto BERNAMA

MERSING: Meskipun banjir makin pulih di Johor, kira-kira 1,000 masyarakat Orang Asli masih terputus hubungan sejak Sabtu lalu berikutan laluan darat untuk ke kampung mereka dinaiki air sehingga kini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Mersing, Mohd Azhari Awi, berkata kesemua mereka adalah dari lima kampung iaitu Kampung Peta, Kampung Punan, Kampung Tewowoh, Kampung Orang Asli Tanah Abang dan Kampung Orang Asli Tanjung Tuan.

"Kesemua kampung berkenaan yang berada di daerah ini telah terputus hubungan sejak 14 Disember lalu dan sebarang bentuk komunikasi hanya menggunakan radio amatur," katanya ketika ditemui di Balai Bomba dan Penyelamat Mersing, di sini hari ini.

Mohd Azhari berkata, dua hari lalu pihaknya hanya boleh menggunakan bot melalui Sungai Endau untuk ke Kampung Peta bagi mengambil dua pesakit di kampung berkenaan.

"Kami ambil masa sejam setengah melalui sungai itu untuk ke Kampung Peta yang jaraknya antara 15 kilometer hingga 20 kilometer.

"Perjalanan agak mencabar kerana kami menempuh arus sungai deras selain melalui rintangan seperti kayu balak di sungai," katanya, yang turut dibantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam operasi itu.

Kedua bas yang terkandas akibat banjir ketika tinjauan Bernama bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat, kelmarin. - Foto BERNAMA

Beliau berkata, pihaknya berjaya membawa keluar dua pesakit lelaki yang seorang menghidap darah tinggi manakala seorang lagi mengalami demam panas, yang kemudiannya dibawa ke Hospital Kluang untuk rawatan lanjut.